

# Universiti Rusia iktiraf kepakaran Pensyarah Kanan USIM

**SEREMBAN 16 Dis.** - Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd. Hazmi Mohd. Rusli, 32 dijemput sebagai Profesor Pelawat di Far Eastern Federal University (FEFU), Vladivostok, Rusia untuk menyampaikan kepakaran dalam undang-undang laut antarabangsa.

Pemilihan Dr. Mohd. Hazmi oleh universiti berkenaan dibuat atas kapasiti beliau yang memiliki kepakaran akademik dalam undang-undang laut antarabangsa.

Selain bertugas sebagai pensyarah undang-undang di USIM, kepakarannya dalam bidang itu memberi peluang kepadanya dilantik sebagai Penyelidik Bersekutu Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Penyelidik Bersekutu Pasca-kedoktoran Australian National Centre for Ocean Resources and Security, University of Wollongong, Australia.

Menurut Dr. Mohd. Hazmi, layanan yang diberikan oleh pihak universiti berkenaan amat baik apabila segala kos penerbangan dan penginapan ditanggung sepenuhnya oleh FEFU.

"Itu merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada kepakaran ahli akademik Malaysia umumnya dan USIM khususnya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mohd. Hazmi telah berada di Rusia sejak 11 Disember dan dijangka mengakhiri sumbangan itu pada minggu ini.

Sepanjang berada di FEFU, kepakaran beliau dalam undang-undang laut antarabangsa khususnya berkaitan pelayaran dan navigasi menerusi selat bagi pelayaran antarabangsa terutamanya di Selat Melaka menjadi perhatian



**Itu merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada kepakaran ahli akademik Malaysia umumnya dan USIM khususnya."**

**MOHD. HAZMI MOHD. RUSLI**  
**Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia**

untuk dikongsi oleh ahli akademik dan pelajar.

Sebanyak dua siri syarahan dikendalikan beliau yang bertajuk *Law of the Sea Convention 1982 (LOSC) and its Implication on South East Asia* dan *The Legal Status of the Straits of Malacca and Singapore : Balancing Shipping and the Protection of the Marine Environment* yang dihadiri oleh profesor

dan pelajar di sana.

Selain itu, beliau juga diminta untuk menjalankan beberapa siri kuliah bagi pelajar Sarjana Muda Undang-Undang di sana dan turut sama dijemput menghadiri mesyuarat Sekolah Undang-Undang FEFU.

Sebagai seorang ahli akademik, pandangan beliau dalam beberapa isu semasa seperti pengamalan undang-undang Malaysia dan Rusia, undang-undang maritim dan buruh, konfrontasi ketenteraan di Timur Tengah dan peristiwa menyangkut hati melibatkan pesawat Malaysia milik Malaysia Airlines (MAS) iaitu MH17 dan MH370 turut menjadi perhatian.

Sebelum dilantik sebagai Profesor Pelawat di FEFU, kepakaran akademik beliau telah diiktiraf lebih awal di sana apabila kertas kajian beliau berkaitan undang-undang laut antarabangsa telah dipilih untuk dikeluarkan dalam jurnal saintifik berimpak *The Asia-Pacific Region : Economy, Politics, Law* yang diterbitkan oleh FEFU.

Selain itu, beliau turut aktif dalam sidang pembelajaran dan pengajaran langsung secara maya (video) dengan warga FEFU ketika berada di negara ini.

Sementara itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh FEFU, mana-mana Profesor Pelawat yang dijemput ke universiti berkenaan merupakan individu yang terpilih sahaja.

Kata FEFU dalam kenyataannya, mereka terdiri daripada saintis ternama atau individu berkebolehan dari seluruh dunia yang mempunyai reputasi yang tinggi dalam kalangan komuniti akademik antarabangsa serta mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai lapangan penyelidikan.